



Prosedur Tadbir Urus Jaringan Industri Universiti Teknologi Malaysia

Nama Prosedur	Prosedur Tadbir Urus Jaringan Industri
Pemilik Prosedur	Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CCIN)
Nombor Rujukan Prosedur	DS.P.PI/J09.23/02/Pin.0 (E0)
Tarikh Kuatkuasa	1 September 2025
Edisi	0
Pindaan	0

SEKSYEN 1 : PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Prosedur Tadbir Urus Jaringan Industri ini bertujuan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada staf dan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang menjalankan aktiviti jaringan bersama pihak Industri.

1.2 SKOP

Prosedur ini terpakai kepada semua staf dan pelajar Universiti yang terlibat dalam aktiviti jaringan industri.

1.3 POLISI BERKAITAN

Bil	Nama	Lokasi
1	Polisi Libat Sama Komuniti dan Industri (2021)	Jabatan TNC (P&I)
2	Polisi Penyelidikan dan Inovasi (2022)	Jabatan TNC (P&I)
3	Polisi Pengumpulan Dana (2024)	Jabatan TNC (P)
4	Polisi Pembangunan Pelajar (<i>Student Development Policy</i>)	Jabatan Hal Ehwal Pelajar
5	Polisi Penilaian Prestasi Staf Pengurusan dan Profesional	Jabatan Pendaftar
6	Polisi Pelestarian Kampus (2020)	Pejabat Pelestarian Kampus
7	Polisi Kualiti & Pengurusan Risiko (2020)	Pusat Kualiti & Pengurusan Risiko
8	Polisi Pengurusan Kewangan (2021)	Jabatan Bendahari
9	Polisi Kelestarian Kewangan (2021)	Jabatan Bendahari
10	Polisi Pengkormesilan Harta Intelek UTM	Jabatan TNC (P&I)

1.4 DEFINISI

Istilah/ Singkatan Umum	Definisi / Penerangan						
Industri	Merujuk kepada Syarikat Swasta merangkumi; "Government Linked Company" (GLC), "Government Linked Investment Company" (GLIC), "Private Limited Company" (PLC), "Multinational Company" (MNC), "Small Medium Enterprise" (SME) atau agensi kerajaan yang diswastakan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO).						
Jaringan Industri	Merujuk kepada membina hubungan yang berterusan serta mengaplikasikan visi kerjasama yang memberi manfaat kepada universiti dan industri						
Perjanjian Formal	Merujuk kepada perjanjian yang termeterai melalui dokumen perjanjian kerjasama antara pihak Universiti, Industri, Komuniti, Agensi dan NGO.						
Universiti	Merujuk kepada Universiti Teknologi Malaysia.						
Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Merujuk kepada Pusat Tanggungjawab yang wujud di Universiti Teknologi Malaysia merangkumi Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat, Institut, Jabatan, Bahagian, Seksyen dan Unit.						
Ketua Jaringan Industri	Merujuk kepada ketua yang dilantik bagi menyelaras aktiviti jaringan industri di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) - <table border="1" data-bbox="540 1123 1351 1459"> <tr> <th>Kategori</th><th>Ketua Jaringan Industri</th></tr> <tr> <td>Fakulti</td><td>Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan) TDPIP dan Penolong Dekan (Hubungan Luar dan Global) , ADEGE</td></tr> <tr> <td>PTJ Lain</td><td>Ketua PTJ</td></tr> </table>	Kategori	Ketua Jaringan Industri	Fakulti	Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan) TDPIP dan Penolong Dekan (Hubungan Luar dan Global) , ADEGE	PTJ Lain	Ketua PTJ
Kategori	Ketua Jaringan Industri						
Fakulti	Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan) TDPIP dan Penolong Dekan (Hubungan Luar dan Global) , ADEGE						
PTJ Lain	Ketua PTJ						
Pegawai Penyelaras PTJ	Merujuk kepada staf yang dilantik secara rasmi oleh Ketua Jaringan Industri bagi menguruskan portfolio jaringan industri di Pusat Tanggungjawab.						
Staf	Merujuk kepada individu yang dilantik secara rasmi oleh Universiti Teknologi Malaysia						
Pelajar	Merujuk kepada individu yang berdaftar di UTM yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan.						
Ketua Delegasi	Merujuk kepada individu yang mengetuai aktiviti jaringan industri Universiti secara berkumpulan.						
<i>Inbound</i>	Merujuk kepada aktiviti yang melibatkan kunjungan pihak Industri ke Universiti.						
<i>Outbound</i>	Merujuk kepada aktiviti yang melibatkan kunjungan pihak Universiti ke Industri.						

Istilah/ Singkatan Khusus	Definisi / Penerangan
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
CCIN	<i>Centre of Community and Industry Network –</i> Pusat Jaringan Komuniti dan Industri
KAI	<i>Key Amal Indicator</i>
JKTS (JIM)	Jawatankuasa Tetap Senat (Jaringan Industri dan Masyarakat)
TDPIP	Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan)
ADEGE	Penolong Dekan (Hubungan Luar dan Global)
PPUU	Pejabat Penasihat Undang-Undang
TNCPI	Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi
UTMFin	<i>UTM Integrated Financial System</i>
JKGDU	Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti
JKPLKJI	Jawatankuasa Pengurusan Libat sama Komuniti & Jaringan Industri
RADIS	<i>Research and Development Innovation System</i>
INNOCOMS	<i>Innovations and Commercialisation System</i>
UTM Linkages	Sistem pengurusan dokumen perjanjian UTM
MYRA	Malaysian Research Assessment


1.5 KONTEKS PERUNDANGAN

Nama Dokumen	Klausa Rujukan
Akta Badan-badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000	Seluruh Dokumen
Akta universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971)	Seluruh Dokumen
Kod Etika Profesional Universiti Teknologi Malaysia 2017	Seluruh Dokumen
Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia	Seluruh Dokumen
Statut Universiti Teknologi Malaysia	Seluruh Dokumen

SEKSYEN 2 : PROSEDUR

2.1 KERANGKA PROSEDUR

Kerangka halaju jaringan industri melibatkan sembilan (9) proses kerja seperti berikut:



Rajah 2.1: Carta alir kerangka prosedur tadbir urus jaringan industri

SULIT

- 2.1.1 Kenalpasti industri
- 2.1.2 Daftar industri dalam sistem ICESYS
- 2.1.3 Pembinaan kolaborasi strategik
- 2.1.4 Penyediaan dokumen kerjasama
- 2.1.5 Kelulusan kerjasama
- 2.1.6 Pelaksanaan kerjasama
- 2.1.7 Perekodan kerjasama dalam sistem universiti
- 2.1.8 Pemantauan kelestarian kerjasama
- 2.1.9 Pelaporan akhir

2.2 TANGGUNGJAWAB

2.2.1 Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CCIN) bertanggungjawab:

- 2.2.1.1 sebagai pusat rujukan dan penyelaras libat sama industri universiti bagi aktiviti kerjasama industri.
- 2.2.1.2 mengenalpasti industri berpotensi untuk dilibatkan dalam aktiviti kerjasama industri.
- 2.2.1.3 untuk memberi khidmat nasihat dan panduan kepada staf dan PTJ universiti dalam menyediakan dokumen kerjasama industri.
- 2.2.1.4 untuk menyelaras dan merekod pangkalan data libat sama industri universiti di dalam sistem universiti.
- 2.2.1.5 untuk menjalankan pemantauan secara berkala dan melaporkan pencapaian libat sama industri kepada universiti atau pemegang taruh sekiranya diperlukan.

2.2.2 Staf dan Pelajar Universiti bertanggungjawab untuk:

- 2.2.2.1 merujuk prosedur dan garis panduan pelaksanaan aktiviti kerjasama industri yang telah dikuatkuasakan oleh universiti dan PTJ masing-masing.

SULIT

- 2.2.2.2 memastikan industri berpotensi yang dikenalpasti adalah organisasi yang ditubuhkan secara sah di sisi undang-undang dengan skop perniagaan yang tidak melanggar peraturan universiti.
- 2.2.2.3 memastikan aktiviti kerjasama industri yang ingin dilaksanakan mendapat kelulusan Ketua PTJ/Ketua Jaringan Industri atau penyelia masing-masing.
- 2.2.2.4 memastikan perancangan dan pelaksanaan kerjasama industri yang produktif berdasarkan objektif serta matlamat yang jelas melalui sesi kunjungan atau menerima kunjungan industri.
- 2.2.2.5 melaporkan aktiviti kerjasama industri kepada pihak CCIN melalui sistem ICESys.

2.2.3 Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab untuk:

- 2.2.3.1 melantik Pegawai Penyelaras PTJ bagi menguruskan portfolio kerjasama industri.
- 2.2.3.2 memastikan perancangan dan pelaksanaan kerjasama industri yang produktif berdasarkan objektif serta matlamat yang jelas melalui sesi kunjungan atau menerima kunjungan industri.
- 2.2.3.3 melaporkan aktiviti kerjasama industri kepada pihak CCIN melalui sistem ICESys.

2.2.4 Ketua Jaringan Industri

- 2.2.4.1 memantau pelaksanaan aktiviti kerjasama industri di peringkat fakulti melalui sistem ICESys.
- 2.2.4.2 melaporkan aktiviti kerjasama industri kepada CCIN melalui sistem ICESys secara berkala.

2.2.5 Pegawai Penyelaras PTJ adalah bertanggungjawab untuk:

- 2.2.5.1 memastikan staf mendaftar dan melaporkan aktiviti kerjasama industri yang telah dijalankan di dalam ICESys agar aktiviti dapat dipantau secara sistematik.

SULIT

- 2.2.5.2 menyalurkan dan menyemak data berkaitan aktiviti pelaksanaan kerjasama industri secara berkala ke dalam sistem ICESys.
- 2.2.5.3 menerima dan membuat kunjungan industri atau dengan mengenalpasti kepakaran dan wakil Universiti yang perlu hadir selepas mendapat pengesahan ketua jaringan industri.

SULIT

2.3 KETERANGAN PROSES KERJA

Tanggungjawab	Carta alir	Perincian	Tempoh	Rekod / Dokumen Rujukan
1. PTJ 2. Sistem ICESys	<pre> graph TD M([Mula]) --> S1[2.1.1 Semakan Industri] S1 --> S2[2.1.2 Daftar industri dalam ICESys] S2 --> S3[2.1.3 Pembinaan Kolaborasi Strategik] S3 --> Setuju{Setuju?} Setuju -- Ya --> S4[2.1.4 Penyediaan dokumen kerjasama] S4 --> A([A]) A --> B([B]) B --> Tamat([Tamat]) Setuju -- Tidak --> Tamat </pre>	<p>2.1.1 Semakan maklumat industri dan mengenalpasti pengurusan risiko berdasarkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Dasar KPT terhadap Industri & Komuniti Pelan Strategik UTM PTJ yang ingin membuat kerjasama baru dengan industri yang sedia ada atau sedang mencari potensi industri Pengurusan risiko akan merujuk kepada prosedur pengurusan risiko dan pelan mitigasi peringkat universiti yang sedang berkuatkuasa <p>2.1.2 Daftar industri ke dalam sistem ICESys</p> <ul style="list-style-type: none"> PTJ membuat semakan <i>due diligence</i> dan mendaftar maklumat industri yang berpotensi di dalam sistem ICESYS sekiranya tiada rekod dalam pangkalan data ICESYS. CCIN menyemak dan mengesahkan (<i>due diligent</i>) dengan tepat maklumat industri dan menjalankan kajian impak. <p>2.1.3 Kenalpasti jenis kerjasama berpotensi bersetujuan dengan skop/bidang PTJ mengikut kehendak industri. Adakan sesi kerjasama antara CCIN/PTJ/industri berpotensi.</p> <p>Setuju dengan jenis kerjasama:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jika Ya, terus ke langkah 2.1.4 Jika Tidak, terus ke langkah Tamat <p>2.1.4 Penyediaan kertas cadangan projek / perjanjian kerjasama. Dapatkan</p> <ul style="list-style-type: none"> MOA/MOU/LOI/LOC dari pejabat penasihat undang-undang jika perlu Kajian Impak dijalankan semasa penerimaan Kertas cadangan mengikut kriteria dana 	1 hari	Polisi Libatsama Industri & Komuniti Pelan Strategik UTM Malaysia Research Association (MYRA) Polisi Pengkomersilan Harta Intelek QS World University Ranking Prosedur Pengurusan risiko
1. PTJ CCIN			1 hari	Prosedur Tadbir Urus Jaringan Industri Pelan Strategik UTM Malaysia Research Association (MYRA) Polisi Pengkomersilan Harta Intelek QS World University Ranking
1. Pensyarah PTJ Industri Staf			1 hari	
1. PTJ Industri PPUU			30 hari	Prosedur Tadbir Urus Jaringan Industri Pelan Strategik UTM Prosedur Pengurusan Harta Intelek Malaysia Research Association (MYRA) Polisi Pengkomersilan Harta Intelek QS World University Ranking

SULIT

Tanggungjawab	Carta alir	Perincian	Tempoh	Rekod / Dokumen Rujukan															
1. Jawatankuasa melulus 2. Industri 3. Sistem Universiti	<pre> graph TD A(()) --> 2_1_5[2.1.5 Kelulusan kerjasama] 2_1_5 --> Setuju{Setuju?} Setuju -- Ya --> 2_1_6[2.1.6 Pelaksanaan kerjasama] Setuju -- Tidak --> 2_1_5 2_1_6 --> 2_1_7[2.1.7 Perekodan kerjasama dalam sistem universiti] 2_1_7 --> 2_1_8[2.1.8 Pemantauan kelestarian kerjasama] 2_1_8 --> 2_1_9[2.1.9 Pelaporan akhir] 2_1_9 --> B(()) B --> Tamat(()) </pre>	<p>2.1.5 Mendapatkan Kelulusan kerjasama daripada</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Persetujuan LOI/ MoU/ MoA daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang; Kelulusan JPU; Kelulusan LPU; atau Jawatankuasa pelulus yang berkaitan b) Kelulusan diperolehi; <ul style="list-style-type: none"> • Jika YA terus ke 2.1.9 • Jika TIDAK terus TAMAT 2.1.13 <p>2.1.6 CCIN/PTJ/Industri melaksanakan kerjasama yang telah dipersetujui</p> <p>2.1.7 Perekodan kerjasama ke dalam Sistem Universiti</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan akhir dari setiap aktiviti jaringan yang dilaksanakan direkodkan ke dalam sistem ICESys di bawah kategori tab "Industry Linkages" • CCIN menyemak & mengesahkan maklumat yang direkodkan <p>2.1.8 Pemantauan kelestarian kerjasama mengikut KPI dan pembentangan hasil pencapaian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan risiko proses pemantauan akan merujuk kepada prosedur pengurusan risiko dan pelan mitigasi peringkat universiti yang sedang berkuatkuasa <p>2.1.9 CCIN akan menyediakan laporan KPI untuk dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Industri & Komuniti (JKIPLK)</p>	30 - 60 hari	<p>Prosedur Tadbir Urus Jaringan Industri</p> <p>Pelan Strategik UTM</p> <p>Pemilihan sistem pendaftaran mengikut kategori di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>No</th> <th>Pengurusan Dana Libat Sama Komuniti</th> <th>Sistem Pendataan Projek</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>CCIN</td> <td>ICESys</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>RMC</td> <td>RADIS</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>UTSB</td> <td>INNOCOMS</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Ekkul/Sekolah/Akademik/Pusat/Istitut/Jabatan/Sekoyor/Unit</td> <td>ICESys</td> </tr> </tbody> </table> <p>Prosedur Pengurusan Harta Intelek</p> <p>Prosedur Tadbir Urus Jaringan Industri</p> <p>Pelan Strategik UTM</p> <p>Malaysia Research Association (MYRA)</p> <p>Prosedur Pengurusan Harta Intelek</p> <p>Prosedur Tadbir Urus Jaringan Industri</p> <p>Pelan Strategik UTM</p> <p>Manual pengisian ke dalam sistem universiti</p> <p>Malaysia Research Association (MYRA)</p> <p>KAI CCIN</p> <p>Prosedur Tadbir Urus Jaringan Industri</p> <p>Pelan Strategi UTM</p> <p>Malaysia Research Association (MYRA)</p> <p>Prosedur Pengurusan Harta Intelek</p> <p>Prosedur Pengurusan Risiko</p>	No	Pengurusan Dana Libat Sama Komuniti	Sistem Pendataan Projek	1	CCIN	ICESys	2	RMC	RADIS	3	UTSB	INNOCOMS	4	Ekkul/Sekolah/Akademik/Pusat/Istitut/Jabatan/Sekoyor/Unit	ICESys
No	Pengurusan Dana Libat Sama Komuniti	Sistem Pendataan Projek																	
1	CCIN	ICESys																	
2	RMC	RADIS																	
3	UTSB	INNOCOMS																	
4	Ekkul/Sekolah/Akademik/Pusat/Istitut/Jabatan/Sekoyor/Unit	ICESys																	
1. Fakulti/ TDPA/ Pensyarah/ PTJ 2. Industri			bergantung kepada tempoh projek/ kerjasama																
1. Fakulti/ TDPA/ Pensyarah/ PTJ 2. CCIN 3. Sistem Universiti			2 hari																
CCIN, PTJ			1 hari																
CCIN JKIPLK			1 hari																

SULIT**SEKSYEN 3 : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAKSANA PROSEDUR****3.1 PUSAT TANGGUNGJAWAB BERKAITAN**

Bil.	PTJ
1.	Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti

3.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PTJ

PTJ	TANGGUNGJAWAB
Pusat Jaringan Komuniti & Industri (CCIN)	Penyelaras dan pemudahcara bagi menghubungkan Universiti serta PTJ yang berkaitan dengan pihak Industri berhubungan dengan aktiviti libat sama industri.
Fakulti, Sekolah & Akademi	Bertanggungjawab untuk melantik Pegawai Penyelaras PTJ bagi menguruskan portfolio hubungan dan kolaborasi Industri. Bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti hubungan dan kolaborasi Universiti-Industri.
Institut Penyelidikan, Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE), Pusat Kecemerlangan (CoE), Pusat Penyelidikan (Research Centre).	Bertanggungjawab untuk melantik Pegawai Penyelaras bagi menguruskan portfolio hubungan dan kolaborasi Industri. Bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti hubungan dan kolaborasi Universiti-Industri di bawah kategori Penyelidikan & Inovasi.
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)	Bertanggungjawab sebagai entiti perkhidmatan yang penyelaras dan pusat yang menguruskan projek dan dana penyelidikan kontrak Universiti-Industri.
Pusat Inovasi dan Komersialisasi (ICC)	Bertanggungjawab sebagai entiti perkhidmatan dibawah Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) sebagai pusat yang menguruskan aktiviti inovasi dan pengkomersialan harta intelek universiti.
Pejabat Hal Ehwal Korporat (HEK)	Bertanggungjawab sebagai entiti menyelaras dan pusat rujukan untuk penganjuran program rasmi yang melibatkan pihak Industri dan penyelaras sistem UTM Linkages.
Pusat Kerjaya UTM (UTMCC)	Bertanggungjawab sebagai entiti yang menyelaras dan menganjurkan program dan kolaborasi bersama Industri untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan Universiti.
Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP)	Bertanggungjawab sebagai entiti yang menyelaras dan meluluskan program yang melibatkan pelajar bersama pihak Industri.

SULIT

Alumni UTM	Bertanggungjawab sebagai entiti yang menyelaras dan menguruskan hubungan Universiti bersama Alumni UTM yang berkhidmat di Industri.
Endowmen UTM	Bertanggungjawab sebagai entiti yang menyelaras dan menguruskan tabung dan dana Endowmen Universiti yang dilaburkan oleh pihak Industri melalui sumbangan dana filantropi.
Wakaf UTM	Bertanggungjawab sebagai entiti yang menyelaras dan menguruskan tabung dan dana Wakaf Universiti yang disumbangkan oleh pihak Industri.
Pusat Pembangunan Bakat dan Kepimpinan Universiti (CTLD)	Bertanggungjawab sebagai entiti yang menguruskan program pembangunan bakat dan kepimpinan staf pengurusan dan profesional Universiti serta penempatan program sangkutan serta latihan Industri staf pengurusan dan profesional di Industri.
Sekolah Pengajian Prasiswazah (UGS)	Bertanggungjawab sebagai entiti yang menguruskan program bersama industri berkaitan kurikulum dan <i>service learning</i> , mata pelajaran umum universiti, latihan industri, dan <i>work-based learning</i> .
Pusat Inovasi Mahasiswa dan Keusahawanan Teknologi UTM (UTMXCITE)	Bertanggungjawab sebagai entiti yang menguruskan program pembangunan keusahawanan pelajar melalui kerjasama strategik bersama pihak Industri.
Bendahari UTM	Bertanggungjawab sebagai entiti yang menguruskan transaksi kewangan Universiti.
Pejabat Penasihat Undang-undang (PPUU)	Bertanggungjawab membuat semakan secara atas talian ke atas dokumen perjanjian agar menepati kriteria yang ditetapkan dan boleh dilaksanakan serta memberikan manfaat kepada Universiti sebelum ianya diluluskan dalam Mesyuarat Panel Perjanjian MoU/MoA.

SEKSYEN 4 : TADBIR URUS

4.1 PEMILIK PROSEDUR DAN PENGURUS DOKUMEN POLISI

Pemilik Prosedur	Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CCIN) Universiti Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pengurus Dokumen Polisi PTJ	Timbalan Pengarah Pusat Jaringan Komuniti dan Industri Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pengurus Dokumen Polisi	Ketua Seksyen Governan, Jabatan Pendaftar

SULIT

4.2 TANGGUNGJAWAB

Pemilik Prosedur	<ol style="list-style-type: none">1. Pemilik Prosedur bertanggungjawab kepada pindaan prosedur serta mendapatkan perakuan daripada JKDEU seterusnya kelulusan daripada JKDEU.2. Pemilik Prosedur bertanggungjawab untuk memastikan prosedur yang berkaitan didaftarkan dalam Daftar Polisi UTM.3. Pemilik Prosedur bertanggungjawab untuk memastikan prosedur yang berkaitan dihebahkan kepada warga Universiti.4. Pemilik Prosedur bertanggungjawab kepada semakan prosedur dalam tempoh masa tertentu yang telah ditetapkan.
Pengurus Dokumen Polisi PTJ	<ol style="list-style-type: none">1. Bertanggungjawab kepada semua penyimpanan, perekodan dan pengemaskinian prosedur di peringkat PTJ.2. Bertanggungjawab memantau dan memastikan pelaksanaan prosedur pada peringkat PTJ.
Pengurus Dokumen Polisi	<ol style="list-style-type: none">1. Bertanggungjawab kepada semua penyimpanan, perekodan dan pengemaskinian prosedur.2. Bertanggungjawab memastikan semua prosedur yang diluluskan oleh Universiti diwartakan oleh Pendaftar.3. Bertanggungjawab sebagai Setiausaha kepada JKDEU.

4.3 KADEAH PEMANTAUAN DAN HEBAHAN

Pemantauan dan Penambahbaikan (CQI)	<ol style="list-style-type: none">1. Semua Prosedur Universiti hendaklah disemak setiap tahun untuk memastikan prosedur tersebut masih relevan.2. Sebarang pihak boleh mencadangkan pindaan prosedur dengan cara memaklumkan kepada Pemilik Prosedur. Sebarang pindaan hendaklah merujuk perkara Prosedur Tadbir Urus Dokumen Polisi.3. Pemilik Prosedur hendaklah memaklumkan kepada Pengurus Dokumen Polisi apabila berlaku sebarang pindaan kepada prosedur.
Penyiaran / Hebahans Prosedur	<ol style="list-style-type: none">1. Garis Panduan yang telah diluluskan oleh Senat/JPU akan didaftarkan dalam Daftar Polisi Universiti oleh Pengurus

SULIT

	<p>Dokumen Polisi dan diwartakan oleh Pendaftar melalui Pekeliling Universiti.</p> <p>2. Pemilik Prosedur hendaklah membuat hebahan Prosedur yang telah dilulus dan diwartakan untuk pelaksanaan yang efektif.</p> <p>3. Prosedur mestilah disimpan secara teratur mengikut kluster di dalam Daftar Polisi Universiti.</p> <p>4. Prosedur boleh diakses oleh warga Universiti.</p>
--	--

4.4 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

No Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
0	1 September 2025	BPO, Jabatan Pendaftar	0